



**Universiti Utara Malaysia**

**Garis Panduan SULAM  
UUM (Edisi 1.0)**



**Jabatan Hal Ehwal Akademik**

**UNIVERSITI UTARA MALASIA**

Hak Cipta Terpelihara

© Jabatan Hal Ehwal Akademik, 2019

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Universiti Utara Malaysia, 2019.

Jabatan Hal Ehwal Akademik

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok,

Kedah Darul Aman

Telefon : +604-9283303

Faks : +604-9283306

Email : [hea@uum.edu.my](mailto:hea@uum.edu.my)

**Penasihat SULAM UUM**

1. Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim – Timbalan Naib Canselor (A&A) – Pengerusi
2. Prof. Madya Ts. Dr. Muhamad Shahbani Abu Bakar – Pengarah UTLC - Ahli

**Jawatankuasa Pembangunan Garis Panduan SULAM**

1. Prof. Dr. Rosna Awang Hashim -Timbalan Pengerusi SULAM (KPM)
2. Prof. Madya Dr.Norhafezah Yusof
3. Prof. Madya Dr. Tengku Faekah Tengku Ariffin
4. Dr. Hasniza Nordin

## Kandungan

1.1	Pengenalan	1
1.1.1	Latar Belakang Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Perkhidmatan (SULAM) di UUM	1
1.2	Proses Pembangunan Garis Panduan SULAM	3
1.2.1	Definisi	3
1.2.2	Pendekatan SULAM	5
1.2.3	Pemegang Taruh Dalam Pelaksanaan SULAM	7
1.2.4	Empat Fasa Pelaksanaan SULAM	8
1.2.5	Refleksi	11
1.2.6	Domain Pembelajaran	11
1.2.7	Ringkasan Panduan Pelaksanaan SULAM	12
1.2.8	Pewujudan Pusat Sehenti SULAM UUM	12
1.2.9	Kewangan	14
1.2.10	Carta Alir Pelaksanaan SULAM-UUM	14
1.3	Rujukan	15
	Lampiran 1: Guided Reflection Questions for SULAM	16
	Lampiran 2: Borang Permohonan SULAM	19
	Lampiran 3: Senarai Semak Pelaksanaan Projek SULAM	23

## **1.1 PENGENALAN**

Garis panduan pelaksanaan SULAM (*Service Learning Malaysia-University for Society*) Universiti Utara Malaysia (UUM) disediakan untuk Pusat Pengajian dan Pusat tanggungjawab yang berkaitan bagi melaksanakan SULAM melalui kursus akademik berkredit berdasarkan disiplin di UUM.

SULAM adalah salah satu elemen Pembelajaran Berimpak Tinggi (HIEPs; *High Impact Educational Practices*), yang diberikan penekanan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Justeru, ia perlu diterapkan dalam sesuatu program akademik dengan cara yang lebih berstruktur dan sistematik. Oleh itu, pembangunan garis panduan bagi pelaksanaan Sulam di UUM adalah penting untuk menambahbaik praktis pelaksanaan SULAM ini.

Perkhidmatan komuniti SULAM boleh didefinisikan sebagai perkhidmatan yang dikenalpasti oleh Institusi Pengajian Tinggi melalui konsultasi secara formal atau tidak formal dengan organisasi, kerajaan dan komuniti yang tidak berdasarkan keuntungan bagi menambahbaik kualiti kehidupan komuniti yang terlibat.

SULAM memberi impak positif kepada pelajar, universiti, komuniti, industri dan pihak berkepentingan yang lain. SULAM mampu menyumbang untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar seperti kemahiran penyelesaian masalah. SULAM juga berupaya untuk meningkat peranan universiti sebagai agen perubahan komuniti dengan menawarkan khidmat komuniti kepada masyarakat sasaran. Pada masa yang sama, menerusi projek SULAM, universiti mampu menjalinkan hubungan erat dengan industri, kerajaan dan komuniti (Quadruple-Helix Model) yang dapat menjamin kelestarian projek SULAM dan menyumbang kepada keperluan masyarakat setempat untuk jangka masa yang panjang.

### **1.1.1 Latar Belakang Pelaksanaan SULAM di UUM**

Pada peringkat awal pelaksanaan HIEPs (*High Impact Educational Practices*) di UUM, semua pusat pengajian diminta mengenalpasti kursus yang akan menjalankan SULAM bagi setiap program akademik. Daripada 9 elemen HIEPs,

SULAM merupakan salah satu kaedah pedagogi lanjutan yang melibatkan pembelajaran melalui perkhidmatan dan komuniti.



**Rajah 1: Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi**

Semua universiti di Malaysia telah diberi mandat oleh KPM untuk melaksanakan SULAM yang dahulunya dikenali sebagai *Service Learning* melalui surat yang bertarikh 14 Januari 2015. Justeru, UUM telah menetapkan SULAM sebagai salah satu KPI yang perlu dicapai oleh setiap pusat pengajian di UUM.

## **1.2 PROSES PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN SULAM**

Garis Panduan SULAM UUM dibangunkan dengan kerjasama tenaga akademik yang melaksanakan SULAM di UUM melalui proses konsultasi tiga peringkat yang merangkumi tiga siri bengkel SULAM.

Bagi memastikan impak dan kelestarian projek SULAM di UUM, dicadangkan agar ianya dilaksanakan dalam kursus peringkat 2000 dan 3000 iaitu merujuk kepada kod kursus. Walaubagaimanapun, SULAM boleh dilaksanakan di pelbagai peringkat pengajian. Ini bagi memastikan agar pelajar dilengkapi dengan ilmu pengetahuan substantif dan kemahiran yang mencukupi untuk melaksanakan projek SULAM dengan lebih bermakna. Tenaga pengajar mempunyai akauntabiliti untuk membimbing pelajar melaksanakan SULAM agar pemindahan ilmu disiplin berjalan dengan berkesan dan memanfaatkan komuniti.

### **1.2.1 Definisi**

SULAM adalah pembelajaran berasaskan pengalaman, di mana pelajar dengan bimbingan pensyarah, menyelesaikan permasalahan masyarakat dengan mengaplikasikan ilmu dan skil dari disiplin akademik.

Secara amnya, terdapat beberapa komponen pembelajaran lain yang mempunyai persamaan dengan SULAM tetapi **berbeza** dari segi prinsip dan amalan. Justeru, perkara ini perlu dinyatakan dalam garis panduan ini. Komponen tersebut adalah kesukarelawanan, perkhidmatan komuniti, praktikum dan kerja lapangan:

#### **1.2.1.1 Kesukarelawanan**

Bidang kesukarelawanan menekankan kepada servis yang diberikan. Ianya dijalankan secara formal dan informal dan secara amnya, ia tidak dikaitkan dengan hasil pembelajaran atau refleksi yang formal.

#### **1.2.1.2 Perkhidmatan Komuniti**

Perkhidmatan Komuniti ialah perkhidmatan yang dihulurkan kepada komuniti dan ianya tidak berdasarkan disiplin akademik tertentu.

Perkhidmatan ini bersifat formal dan ada mempunyai elemen refleksi dalam pelaksaaan dan penilaian perkhidmatan.


#### **1.2.1.3 Praktikum**

Praktikum adalah penglibatan dalam latihan dengan tujuan untuk mendapatkan pengalaman sebenar dalam disiplin akademik. Selalunya ia tidak dikaitkan dengan perkhidmatan masyarakat dan refleksi.

#### **1.2.1.4 Kerja Lapangan**

Kerja lapangan melibatkan komuniti atau organisasi yang berkaitan dengan bidang pengajian akademik masing-masing. Ia tidak bersepadau sepenuhnya dalam kursus akademik dan mempunyai peluang terhad untuk refleksi.

### 1.2.2 Pendekatan SULAM



**Rajah 2: Pendekatan SULAM**

Terdapat **EMPAT** Pendekatan SULAM yang diterimapakai dan diaplikasi oleh pengamal dan pakar Service-Learning di peringkat global secara amnya. Pendekatan tersebut adalah dikenali sebagai Khidmat Langsung (Direct Service), Khidmat Tidak Langsung (Indirect Service), Khidmat Advokasi (Advocacy Service) dan Khidmat Penyelidikan (Research-based Service).

### **1.2.2.1 Khidmat Langsung**

SULAM Khidmat Langsung merujuk kepada projek SULAM yang dijalankan secara bersemuka. Pendekatan ini melibatkan penglibatan pelajar dan pensyarah memberi perkhidmatan secara langsung dalam menyelesaikan permasalahan komuniti yang terbabit. Contohnya, menganjurkan kelas Bahasa Inggeris dan Matematik untuk pelajar sekolah dan kelas membaca untuk orang dewasa di komuniti yang terpilih. Contoh yang lain adalah pelajar dan pensyarah mengadakan latihan keusahawaan kepada bakal peniaga dan peniaga di daerah yang memerlukan bantuan.

### **1.2.2.2 Khidmat Tidak Langsung**

Khidmat SULAM Tidak Langsung agak berbeza dengan yang secara langsung. Penekanan dalam pendekatan SULAM ini adalah merujuk kepada pengenalpastian punca masalah masyarakat dan bukan mengatasi masalah secara langsung. Antara contoh yang berimpak tinggi yang menggunakan pendekatan SULAM ini ialah projek Kitar Semula dengan masyarakat bandar di mana apabila pelajar dan pensyarah bergabung dengan komuniti dan pihak berkuasa dalam projek ini, terdapat pelbagai masalah lain boleh diselesaikan hasil dari projek ini. Projek Kitar semula mampu memulihkan eksosistem setempat, menambahkan pendapatan masyarakat, menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dan mengurangkan pencemaran alam sekitar. Contoh lain ialah ‘Fund Raising’ untuk mangsa banjir. Projek SULAM ini membantu menyelesaikan permasalahan banjir secara tidak langsung apabila derma yang dikutip boleh digunakan untuk kebajikan komuniti yang terlibat.

#### **1.2.2.3 Khidmat Advokasi**

SULAM Khidmat Advokasi ini merujuk kepada strategi pemujukan dan perkongsian pengetahuan dengan masyarakat tentang sesuatu isu yang berkaitan dengan mereka dan mampu memberi impak positif terhadap kehidupan mereka. Contoh projek SULAM ini adalah mengadakan forum awam berkaitan dengan topik-topik yang relevan untuk komuniti yang terlibat seperti kempen keselamatan siber, kesihatan, pengurusan kewangan dan pengurusan wasiat.

#### **1.2.2.4 Khidmat Penyelidikan**


SULAM Khidmat Penyelidikan SULAM berteraskan elemen penyelidikan. Pendekatan SULAM ini menumpukan kepada pengumpulan dan pelaporan data beserta maklumat yang menyumbang kepada penyelesaian masalah komuniti. Contoh yang menarik dalam pendekatan ini adalah menghasilkan garis panduan berdasarkan penyelidikan seperti garis panduan pemasaran pakej ‘homestay’ kepada pelancong tempatan. Contoh yang lain ialah menjalankan kajian terhadap hidupan liar untuk keselamatan penduduk berdekatan.

### **1.2.3 Pemegang Taruh Dalam Pelaksanaan SULAM**

Terdapat **EMPAT** pemegang taruh utama dalam melaksanakan projek SULAM iaitu Pelajar, Pensyarah, Komuniti dan Industri. Pelajar bertanggungjawab untuk menjalankan projek SULAM dengan bantuan pensyarah kursus. Manakala pensyarah pula bertanggungjawab merekabentuk silibus dan memantau projek SULAM. Komuniti pula adalah pihak yang menerima perkhidmatan melalui projek SULAM. Pihak industri atau penaja pula bertindak sebagai pihak yang memberikan dana dan sumbangan fizikal untuk menjayakan projek SULAM.

#### 1.2.4 Empat Fasa Pelaksanaan SULAM

Terdapat **EMPAT** Fasa utama dalam pelaksanaan SULAM di UUM. Ianya bermula dengan *Analyzing*, diikuti dengan *Constructing*, disusuli *Executing* dan diakhiri dengan *Manifestation*. Model ini juga dikenali juga sebagai Model ACEM SULAM UUM. Keseluruhan fasa ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan penilaian sesebuah projek SULAM secara keseluruhan.



Rajah 3: Fasa Pelaksanaan SULAM

##### 1.2.4.1 Fasa Pertama (Analyzing)

Pada fasa ini, pelajar dengan bantuan pensyarah perlu mengenalpasti isu komuniti melalui siasatan, penyelidikan dan kerja lapangan. Pensyarah perlu membuat penyelarasan kesesuaian CLO dengan keperluan projek SULAM. Cadangan aktiviti yang boleh dijalankan untuk Fasa Pertama ini ialah:

- 1.2.4.1.1 Mengenalpasti keperluan komuniti dan menyelaraskan dengan keperluan hasil pembelajaran kursus.
- 1.2.4.1.2 Menyelaras projek SULAM dengan rakan kongsi komuniti yang telah bersetuju untuk mengambil bahagian.
- 1.2.4.1.3 Menjalankan lawatan awal ke lokasi.
- 1.2.4.1.4 Pelajar membuat refleksi terhadap pengalaman mengenai lawatan awal lokasi.

#### **1.2.4.2 Fasa Kedua (Constructing)**

Bagi pelaksanaan fasa ini, pelajar dengan bantuan pensyarah perlu merancang mengenai projek SULAM. Ia meliputi pemerolehan pengetahuan yang berterusan untuk menangani persoalan yang timbul daripada siasatan; pengenalpastian gerak kerja kumpulan pelajar yang mengaplikasikan strategi penyelesaian masalah komuniti; penjelasan mengenai peranan, tanggungjawab dan garis masa kumpulan kerja pelajar; dan perkembangan berterusan mengenai kemahiran yang diperlukan untuk menjayakan projek SULAM.

Projek/aktiviti SULAM memerlukan **20 jam minimum** termasuk perancangan, pelaksanaan projek dan refleksi. Projek SULAM juga perlu mempunyai sekurang-kurangnya **9 jam bersemuka** dan peluang untuk berinteraksi dengan rakan-rakan komuniti. Projek / komponen aktiviti SULAM mestilah membentuk sekurang-kurangnya **30% daripada jumlah pentaksiran**. Pelajar dinilai berdasarkan keberkesanannya dalam mengintegrasikan bahan kursus dan aktiviti khidmat masyarakat, bukan hanya untuk menyelesaikan perkhidmatan yang diperlukan. Cadangan aktiviti yang boleh dijalankan untuk Fasa Kedua ini ialah:

- 1.2.4.2.1 Huraikan projek SULAM yang pelajar lakukan untuk kursus yang terpilih.
- 1.2.4.2.2 Memberi panduan kepada pelajar untuk membangunkan cadangan untuk pelaksanaan SULAM; merancang projek tersebut dengan berunding dengan semua pemegang kepentingan.
- 1.2.4.2.3 Menentukan masa pembelajaran pelajar untuk projek SULAM.

- 1.2.4.2.4 Menentukan peratusan pemarkahan untuk pentaksiran pelajar.
- 1.2.4.2.5 Menentukan jenis pentaksiran
- 1.2.4.2.6 Membantu pelajar membuat refleksi untuk perancangan projek SULAM mereka.

#### **1.2.4.3 Fasa Ketiga (Executing)**

Fasa ini ialah mengenai pelaksanaan projek SULAM bersama pemegang taruh / komuniti. Cadangan untuk aktiviti yang boleh dijalankan untuk Fasa Ketiga ini ialah:

- 1.2.4.3.1 Mengawasi pelaksanaan projek SULAM dan memantau perkembangan pelajar.
- 1.2.4.3.2 Pelajar membuat refleksi terhadap projek SULAM mereka.
- 1.2.4.3.3 Memantau tugas kursus termasuk latihan reflektif yang menghendaki pelajar menganalisa pengalaman pembelajaran perkhidmatan dan mensintesis maklumat yang diperoleh yang memperkaya pengajaran akademik mereka.
- 1.2.4.3.4 Menyediakan pembacaan, memantau penulisan tugas, jurnal, dan tugas projek direka untuk mengintegrasikan komponen penglibatan sivik dalam sesebuah kursus akademik.

#### **1.2.4.4 Fasa Keempat (Manifestation)**

Fasa ini ialah mengenai perkongsian oleh pelajar berkaitan hasil projek SULAM dengan pihak berkepentingan. Pelajar membentangkan pembelajaran mereka yang meliputi apa yang telah dipelajari, proses pembelajaran, dan sumbangan yang dicapai. Pelajar mendokumenkan setiap proses dalam kesemua fasa, untuk melaporkan perkara yang mereka pelajari termasuklah refleksi sepanjang projek SULAM. Pelajar memperoleh kemahiran dan mengasah bakat mereka melalui cara demonstrasi pembentangan yang mengintegrasikan teknologi. Cadangan untuk aktiviti yang boleh dijalankan untuk Fasa Keempat ini ialah:

- 1.2.4.4.1 Pelajar berkongsi mengenai pengalaman SULAM mereka bersama pemegang taruh dan masyarakat dengan tujuan pembelajaran dan informasi
- 1.2.4.4.2 Pelajar berkongsi pengalaman analisis mereka, perkara yang telah dipelajari, proses pembelajaran dan perkhidmatan yang dicapai
- 1.2.4.4.3 Pelajar membuat refleksi mengenai pengalaman pembelajaran mereka.

### **1.2.5 Refleksi**

Refleksi ialah komponen penting dalam pelaksanaan SULAM yang melibatkan proses mengintegrasikan teori kepada praktis. Ia adalah penilaian pelajar terhadap pembelajaran yang telah dilalui hasil dari projek SULAM. Proses refleksi melibatkan fasa di mana pelajar meninjau serta menilai semula pengalaman pembelajaran mereka dan seterusnya membuat analisa dan interpretasi berkaitan kelemahan dan kekuatan serta membuat penambahbaikan secara berterusan. Pelajar akan membuat refleksi terhadap apa yang telah dipelajari sebelum, semasa dan selepas projek SULAM.

Refleksi sebagai alat pembelajaran sesuai digunakan dalam projek SULAM memandangkan ianya dapat mewujudkan situasi di mana pelajar bukan hanya perlu menganalisis khidmat yang telah diberikan kepada komuniti, tetapi juga proses pembelajaran yang mereka telah lalui. Melalui proses refleksi, pelajar akan bukan hanya mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran teknikal yang ada pada mereka, tetapi juga akan cuba memahami secara mendalam akan keperluan unik klien mereka, iaitu, komuniti yang disantun. Mereka juga akan dapat dilatih untuk berdepan dengan sesuatu situasi sebenar dan memberikan respon yang profesional, sebagaimana yang akan mereka tempuh setelah tamat pembelajaran kelak. Di samping itu, ia akan membantu pelajar supaya sentiasa memikirkan tentang langkah atau keputusan yang diambil, sebab dan akibatnya, serta

bagaimana untuk sentiasa menambah baik pelaksanaan sesuatu projek (Mezirow, 1991).

Berikut adalah perkara yang boleh dijadikan panduan bagi membantu pelajar dalam membuat refleksi:

- i) Menetapkan jadual khusus bagi memastikan pelajar berpeluang membuat refleksi dengan lebih berstruktur
- ii) Memaklumkan kepada pelajar secara lisan dan bertulis tentang keperluan untuk membuat refleksi dalam projek SULAM
- iii) Melibatkan pelajar membuat refleksi secara individu dan berkumpulan
- iv) Memberikan peluang kepada pelajar untuk mengukur sejauhmana mereka telah menggunakan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam projek SULAM
- v) Melatih pelajar membuat pemerhatian secara objektif dan subjektif terhadap perspektif, tafsiran, keperihatanan dan tindakan mereka
- vi) Mengorientasikan pelajar kepada manusia, persekitaran dan permasalahan yang akan mereka temui, melalui simulasi yang memberi peluang kepada mereka untuk berlatih mempraktikkan kemahiran asas yang diperlukan iaitu kemahiran mendengar dan membuat pemerhatian dengan berkesan
- vii) Membantu pelajar menyerlahkan emosi mereka dalam refleksi masing-masing
- viii) Sentiasa menyediakan ruang supaya pelajar dapat berbincang secara terbuka dan berterusan tentang sesuatu topik bagi menggalakkan refleksi antara sesi kelas.

(Kankiewicz, 2019)

Proses refleksi perlu dilakukan sekurang-kurangnya **TIGA** kali iaitu permulaan projek, semasa dan selepas SULAM. Antara bentuk refleksi yang kerap digunakan dalam projek SULAM ialah reklesi video, refleksi gambar, refleksi berasaskan portfolio dan penulisan 1 minit. Contoh soalan refleksi adalah seperti di Lampiran 1.

### **1.2.6 Domain Pembelajaran**

Berikut merupakan domain hasil pembelajaran berpandukan kepada MQF 2.0 yang boleh dinilai melalui projek SULAM.

- 1) Pengetahuan
- 2) Penyelesaian masalah kemahiran saintifik

- 3) Kemahiran praktikal
- 4) Kemahiran interpersonal
- 5) Kemahiran komunikasi
- 6) Kemahiran digital
- 7) Kemahiran numerasi
- 8) Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab
- 9) Peribadi
- 10) Kemahiran keusahawanan
- 11) Etika dan profesionalisme

### **1.2.7 Ringkasan Panduan Pelaksanaan SULAM**

Berdasarkan penerangan mengenai Garis Panduan SULAM, berikut adalah kriteria penting untuk pelaksanaan SULAM sebagai panduan pensyarah yang menjalankan projek SULAM di UUM.

- 1.2.7.1 Kursus berteraskan disiplin ilmu program pengajian
- 1.2.7.2 Setiap projek SULAM memerlukan sekurang-kurangnya **20 jam SLT** termasuk perancangan, pelaksanaan projek dan refleksi.
- 1.2.7.3 Projek SULAM hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya **9 jam interaksi secara bersemuka** dengan rakan kongsi komuniti.
- 1.2.7.4 Projek SULAM mestilah memperuntukkan sekurang-kurangnya **30% daripada total pentaksiran kursus**.
- 1.2.7.5 Berkolaborasi dengan rakan komuniti yang tidak berdasarkan keuntungan (*non-profit community*).
- 1.2.7.6 Projek yang dijalankan hendaklah lestari, yakni usaha secara berterusan untuk membangunkan komuniti, bukan bersifat *one-off*.
- 1.2.7.7 Pentaksiran berdasarkan refleksi adalah wajib untuk kursus SULAM

### **1.2.8 Pewujudan Pusat Sehenti SULAM UUM**

Bagi memastikan kelestarian dan keberkesanan pelaksanaan SULAM di UUM, dicadangkan pewujudan Pusat Sehenti SULAM UUM bagi tujuan berikut:


- 1.2.8.1 Menjadi pusat penghubung dengan SULAM Net dan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) serta rakan pintar JPT, KPM seperti (Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)).
- 1.2.8.2 Membantu pengamal SULAM mengenal pasti peluang dan sasaran komuniti yang sesuai dengan bidang pengajian di UUM.
- 1.2.8.3 Menyelaras aktiviti kolaborasi di antara JPT, Universiti, Komuniti, Industri dan pihak berkuasa tempatan (*local authority*).
- 1.2.8.4 Mengurus dan meneroka sumber kewangan bagi memastikan kelestarian dan impak SULAM.
- 1.2.8.5 Berfungsi sebagai *one-stop centre* kepada pelbagai pemegang taruh berkaitan SULAM UUM.

### **1.2.9 Kewangan**

Permohonan kewangan bagi projek SULAM UUM perlu dikemukakan (Lampiran 2) kepada Jabatan Hal Ehwal Akademik atau Jawatan Kuasa Penyelarasan SULAM untuk mendapat kelulusan dan pengesahan.

### 1.2.10 Carta Alir Pelaksanaan SULAM

Carta alir bagi pelaksanaan SULAM di UUM adalah seperti Rajah 4 di bawah:



**Rajah 4: Carta Alir Pelaksanaan SULAM UUM**

### 1.3 Rujukan

- Bringle, R.G., & Hatcher, J. A. (2009). Innovative practices in service learning and curricular engagement. In L. Sandman, A. Jaeger, & C. Thornton (Eds.), *New directions in community engagement* (pp. 37-46). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Cress, C. M., Collier, P. J., & Reitenauer, V. L. & Associates (Eds.) (2013). *Learning through serving: A student guidebook for service-learning across academic disciplines and cultural communities*. Sterling, VA: Stylus.
- Ellenburg, K. (2015). *Community partner guide to service learning*. University of Tennessee Office of Service-Learning (OSL).
- Eyler, J. & Giles, D.E. (1999). *Where's the learning in service-learning?* San Francisco: Jossey-Bass.
- Furco, A. (1996). *Service-learning: A balanced approach to experiential education*. Washington DC: Corporation for National Service.
- Heffernan, K. (2001). *Fundamentals of service-learning course construction*. Providence, RT: Campus Compact.
- Honnet, P. E., & Poulsen, S. J. (1989). *Principles of good practice for combining service and learning*. Racine, WI: Johnson Foundation.
- Jacoby, B. & Associates (1996). *Service-learning in higher education: Concepts and practices*. San Francisco: Jossey Bass.
- Kankiewicz, K. (2019). *Importance of student reflection*. The Writing Studio. Colorado State University. Retrieved from: [https://writing.colostate.edu/guides/teaching/service\\_learning/reflect.cfm](https://writing.colostate.edu/guides/teaching/service_learning/reflect.cfm)
- Mezirow, J. (1995) Adult education and empowerment for individual and community development, in B. Connolly, T. Fleming, D. McCormack and A. Ryan (eds), *Radical learning for liberation*, Maynooth, Co Kildare, Maynooth Adult and Community Education Occasional Series No. I.
- Seifer, S. D. (1998). Service-learning: Community-campus partnership for health professions education. *Academic Medicine*, 73, 273-277.
- Van der Ryn, J., & Wu, E. (2018). *Service-learning faculty handbook: Collected faculty and staff scholarship*. 347. Retrieved from: <https://scholar.dominican.edu/all-faculty/347>

## LAMPIRAN 1

### Guided Reflection Questions for SULAM

Source: <https://experiencelearning.utk.edu/wp-content/uploads/sites/21/2017/08/Guided-Reflection-Questions.pdf>

#### **Before students begin their SULAM project:**

- What are some personal perceptions or beliefs that you have about the community partner you will be working with?
- What is the identified problem/community need?
- How is your community partner addressing that need? Why are you needed? What concerns (if any), do you have about working with the community?
- How does your SULAM experience relate to the learning objectives/goals of the course?

#### **During SULAM project:**

- How is your SULAM experience related to the readings, discussions, and lectures in class?
- What have you done this week to make a difference?
- What did you observe?
- What issue/concern is being addressed?
- How do you motivate yourself to carry out your SULAM assignment?
- Did you experience anything that surprised you?
- How is your experience different from what you expected?
- Identify areas where you feel you could use additional guidance and learning in order to be more effective.
- Identify strengths you demonstrated in your SULAM activities.
- Relate your SULAM experience to the text/reading/chapter.
- How can we help people to better understand the nature of the circumstances facing the people at the service site, both staff and the population served?

- How have you been challenged? During your SULAM experience, have you dealt with being an "outsider" at your site? How does being an "outsider" differ from being an "insider"?
- What sorts of things make you feel uncomfortable when you are working in the community? Why?
- What new questions do you have?
- What did you do at your site since the last reflection discussion?
- What did you observe?
- What did you learn?
- What has worked? What hasn't?
- What do you think is (will be) the most valuable service you can offer at your site?
- Is there something more you could do to contribute to the solution?
- Describe your SULAM project. Include a description of the agency or organization you will be working for (i.e. what is their purpose? How big are they? What is their history? What is their mission? What are their goals?).
- How does the SULAM experience connect to your long-term goals?
- What new skills have you learned since beginning your service?
- What characteristics make a community successful?
- Have you ever felt hopelessness, despair, discouragement or burnout related to your service? How have you dealt with this?
- Identify a person, group, or community that you got to know this semester, who is significantly "other" for you. What are the needs or challenges facing them that particularly got to you? What is one way in which you've allowed yourself to be changed as a result of knowing these folks?
- What impacts the way you view the situation/experience? (What lens are you viewing from?)
- What did you like/dislike about the experience?
- What did you learn about the people/community?
- What are some of the pressing needs/issues in the community? How does this project address those needs?
- What should others do about this issue?
- What seem to be the root causes of the issue addressed?

- What other work is currently happening to address the issue?
- What would you like to learn more about, related to this project or issue?
- What information can you share with your peers or the community?
- What did you do that seemed to be effective or ineffective in the community?

**After SULAM project:**

- Describe what you have learned about yourself as a result of your SULAM project.
- What have you learned about yourself?
- What have you learned about your community?
- What have you contributed to the community site?
- What values, opinions, beliefs have changed?
- What was the most important lesson learned?
- What impact did you have on the community?
- What are the best things you discovered about your community?
- Do you have a different picture of your community than you had before you began your project?
- Did you learn a new skill or clarify an interest?
- What learning occurred for you in this experience? How can you apply this learning?
- What follow-up is needed to address any challenges or difficulties?
- If you could do the project again, what would you do differently?
- What specific skills have you used at your community site?
- Describe a person you've encountered in the community who made a strong impression on you, positive or negative.
- Talk about any disappointments or successes of your project. What did you learn from it?
- Complete this sentence: Because of my SULAM project, I am....

**LAMPIRAN 2****BORANG PERMOHONAN SULAM**

<b>A</b>	<b>Nama :</b>	
	<b>No. Staf :</b>	
	<b>No. Telefon Pejabat dan Tel. Bimbit:</b>	<b>Alamat E-Mel :</b>
	<b>Pusat Pengajian:</b>	
	<b>Jawatan:</b>	
<b>B (i)</b> <b>Tajuk Projek SULAM:</b>		
<b>Program Pengajaran :</b>	<b>Kursus :</b>	
<b>Kategori SULAM (sila tandakan ✓ pada kotak yang berkenaan)</b>		
i) <input type="checkbox"/> Direct SULAM	iv) <input type="checkbox"/> Advocacy SULAM	
ii) <input type="checkbox"/> Indirect SULAM	v) <input type="checkbox"/> Research SULAM	
<b>Lokasi Projek SULAM Dijalankan :</b>		
<b>Tempoh masa projek SULAM : _____ (Minimum 20 jam)</b>	<b>Tarikh Mula :</b>	<b>Tarikh Tamat :</b>
<b>Peratusan Markah (minimum 30%)</b>		
<b>B (ii)</b> <b>Cadangan projek SULAM</b> Sila isi di ruangan yang disediakan. (sertakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi)  a) <b>Latarbelakang (hasil pembelajaran, bilangan pelajar, sinopsis dan aktiviti projek SULAM)</b>		

b) **Pentaksiran (merangkumi tugasan kursus, refleksi dan rubrik)**

c) **Pemegang taruh**

	d) <b>Impak</b> Terangkan tujuan kepentingan dan faedah cadangan serta impak projek SULAM ini.
C	<b>Belanjawan (butir-butir belanjawan lengkap)</b> Nyatakan di sini anggaran perbelanjaan bagi cadangan penyelidikan ini. (Tidak melebihi tahap siling peruntukan yang ditetapkan dan sila beri butir-butir perbelanjaan dengan lengkap)

	<b>Butir Belanjawan</b>	<b>Jumlah Yang Dipohon</b>	<b>Jumlah Yang Diluluskan Oleh JKSULAM</b>
	<b>Pengangkutan dan Perjalanan</b> Perbelanjaan merangkumi perjalanan dan pengangkutan yang berkaitan dengan projek SULAM.		
	<b>Bahan dan peralatan</b> Perbelanjaan terhad kepada bahan dan peralatan projek sahaja.		
	<b>Perkhidmatan</b> Perbelanjaan merangkumi percetakan, konsultasi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek.		
	<b>JUMLAH BESAR</b> (Tidak melebihi RM1,000)		
D (i)	<b>Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan adalah berkaitan projek SULAM yang akan / sedang dijalankan.</b>  Tarikh : _____ Tandatangan : _____		
D (ii)	<b>Perakuan JK SULAM:</b> <b>Saya menyokong/ tidak menyokong permohonan ini.</b>  Nama: No. KP: Nama pusat:		

**LAMPIRAN 3**

**SENARAI SEMAK PELAKSANAAN PROJEK SULAM**

<b>Phase</b>	<b>Activities</b>	<b>Your response</b>	<b>Your remark/suggestion s/ reflections</b>	<b>Notes</b>
<b>1) Analyzing</b>	Ensure that the SULAM project is aligned with course learning outcome.	<p>Course Name:  <input type="text"/></p> <p>Course Learning Outcome (s) that are intended to be achieved by student through SULAM:</p> <p>i) <input type="text"/>  ii) <input type="text"/>  <input type="text"/></p>		The SULAM project is academically rigorous, as determined by Department and Curriculum committees, and appropriate for the students' academic preparation and course content.
	<p>The project is arranged with an approved community partner(s).</p> <p><i>Operational definition:</i></p> <p><b><i>Ensure that the community partner(s)</i></b></p>	<p>Name of community partner(s) involved in your SULAM project:</p> <p><input type="text"/></p>		The SULAM project provides the community partner(s) with useful service.

	<b><i>have agreed to participate and approved the SULAM project.</i></b>		
<b>2) Constructing</b>	Please describe the SULAM project that your students are doing for your course.	<p>SULAM type:  <input type="text"/></p> <p>Description:  <input type="text"/></p>	
	<p>How many hours will your students spend for the SULAM project?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Student preparation</li> <li>- Execution</li> <li>- Assessment</li> </ul>	<p>Total: <input type="text"/> hours</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Student preparation: <input type="text"/></li> <li>- Execution: <input type="text"/></li> <li>- Assessment: <input type="text"/></li> </ul>	<p>The SULAM project/activity must require minimum of <b>20 hours</b> including planning, execution of the project and reflection.</p>
	How many hours and frequency of meeting per week do the students go to the SULAM site(s)?	<p><input type="text"/> hours</p> <p>Frequency: <input type="text"/> times</p>	<p>The project should provide a minimum of <b>9 hours</b> of contact time and opportunities for interaction with the community partner(s).</p>

	What is the percentage of marks (coursework) allocated for SULAM project?	<u>                  </u> percent		The SULAM project/activity component must constitute a minimum of <b>30 %</b> of the assessment. Students are evaluated according to their effectiveness in integrating course material and the community service activity, not just for completing the required service.
	What type of assessment did you set for students' evaluation?	Type of assessment: <u>                  </u> Rubrics (?)		
	How do you plan to collect student reflection?	Reflection type: <u>                  </u> Rubrics (?)		
	What are the potential challenges that you/ the students may have to face in implementing SULAM?			

<b>3) Executing</b>	What did you, as the instructor/lecturer of the course, actually do during SULAM project? How many times did your students manage to go to the site and what was discussed?			
	Did the students do their reflections deeply enough?			The course assignments include a reflective exercise that requires students to analyze the SULAM experiences and synthesize information gained that enriches their academic studies. Readings, writing assignments, journaling, and project assignments are designed to accommodate and integrate the civic engagement component of the course.

<b>4) Manifestation</b>	How will the students demonstrate their SULAM project?	-	-	Examples: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Visual presentation</li> <li>- Oral presentation</li> <li>- Video</li> <li>- Social media coverage</li> <li>- Published paper</li> <li>- Poster</li> <li>- Exhibition</li> </ul>
-------------------------	--	---	---	--

